

DANA INDEKS PREMIER
Helaian Fakta Dana pada Mac 2025

ULASAN DANA

Pada bulan Mac 2025, dana ini mencatat pulangan berjumlah -1.97% berbanding pulangan penanda aras berjumlah -1.97%.

CIRI-CIRI DANA

Objektif Pelaburan

Dana ini direka untuk memberikan prestasi sebagaimana prestasi Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI.

Strategi Pelaburan

Dana akan melabur sekurang-kurangnya 90% dalam 30 ekuiti teratas mengikut perkadarannya dalam Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI. Baki dana akan dilaburkan dalam tunai dan simpanan tetap. Pendekatan pelaburan ini adalah pasif.

Pasaran Sasaran

Individu yang mahukan pendedahan kepada pulangan daripada ekuiti di mana dana menjelaki prestasi yang selaras dengan pasaran.

Penanda Aras

Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI (www.bursa-malaysia.com).


BUTIRAN DANA

Tarikh Permulaan	8 Ogos 2001
Mata Wang Dana	Ringgit Malaysia
Pengurus Dana	Etiqa Life Insurance Berhad
Saiz Dana	RM215.95 juta
Nilai Aset Bersih (NAB) setiap unit	RM1.60
Fi Pengurusan Dana	1.25% setahun daripada NAB
Ticker Bloomberg	MLBLIDX MK Equity
Tahap Risiko Keseluruhan	5 (1=Risiko Rendah hingga 5=Risiko Tinggi)
Asas Penilaian Unit	Harga unit ditentukan setiap hari berdasarkan nilai aset yang mendasari dana, selepas menolak perbelanjaan, dibahagikan dengan jumlah bilangan unit dalam dana tersebut.
Kekerapan Penilaian Unit	Setiap hari
Caj-caj lain, jika ada	Tiada
Patuh Syariah	Tidak

5 PEGANGAN TERATAS

- 1) MALAYAN BANKING BERHAD
- 2) PUBLIC BANK BERHAD
- 3) TENAGA NASIONAL BERHAD
- 4) CIMB GROUP HOLDINGS BERHAD
- 5) GAMUDA BERHAD


PERUNTUKAN ASET



Sumber: Etiqa Life Insurance Berhad

PRESTASI DANA

Prestasi Nilai Aset Bersih 10-Tahun



Sumber : Etiqa Life Insurance Berhad

Sejarah Prestasi Dana (dalam %)

%	1 bulan	YTD	1 tahun	3 tahun	5 tahun	10 tahun	Ditahunkan 10 tahun
Dana	-1.97	-5.84	1.53	3.91	25.49	4.87	0.48
Penanda Aras	-1.97	-5.79	1.66	4.77	28.70	8.33	0.80
Perbezaan	0.00	-0.05	-0.13	-0.86	-3.21	-3.46	-0.32

Sumber: Etiqa Life Insurance Berhad

Nilai Aset Bersih Tertinggi dan Terendah setiap unit (dalam RM)

Tahun	Tertinggi (RM)	Terendah (RM)
2025 (YTD)	1.69	1.56
2024	1.72	1.47
2023	1.49	1.38
2022	1.55	1.36
2021	1.53	1.41

Keadaan Luar Biasa

- Dalam keadaan luar biasa, kami berhak untuk menggantung pengeluaran atau pembatalan unit. Dalam keadaan sedemikian, notis penggantungan akan disiarkan di laman web kami, dan akan diberitahu kepada pemegang polisi apabila terdapat permintaan untuk penambahan, pertukaran, atau penarikan balik kepada atau daripada dana.
- Pada bila-bila masa, kami mempunyai hak untuk menutup mana-mana dana, atau untuk memindahkan pelaburan kepada dana baharu, tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu oleh pengawal selia. Dalam keadaan sedemikian, kami akan memberikan notis bertulis 90 hari terlebih dahulu.

PENDEDAHAN RISIKO

Pemegang polisi harus mempertimbangkan potensi risiko berikut apabila melabur dalam dana. Pelabur harus sedar bahawa dengan melabur dalam Dana, tiada jaminan pulangan. Tiada jaminan bahawa pelabur akan menikmati kenaikan modal atau tidak akan mengalami kehilangan modal yang dilaburkan dalam Dana.

- 1 **Risiko Pasaran** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh faktor-faktor yang memberi kesan kepada prestasi keseluruhan pasaran kewangan. Faktor-faktor ini disebabkan oleh keadaan Semasa atau tinjauan masa hadapan, dan boleh melibatkan kedua-dua tempatan dan asing. Faktor-faktor ini boleh termasuk ekonomi, politik, kadar hasil bon kerajaan, serakan kredit ke atas bon korporat, penarafan kredit negara, tahap pasaran saham, kadar pertukaran asing, dan harga komoditi. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko kepada dana dengan membeli perlindungan harga, melabur dalam pelbagai kelas aset atau dengan meningkatkan pendedahan kepada tunai. Pemegang polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko pasaran dengan memilih dana yang mempunyai kadar aset berbentuk tunai yang lebih tinggi.
- 2 **Risiko Kredit dan Kemungkiran** - Risiko kerugian dalam nilai dana yang dilaburkan dalam tunai, bon atau hutang, disebabkan oleh faktor-faktor penangguhan atau penyusunan semula pembayaran berjadual daripada pihak berurusan ke atas pelaburan yang mendasarinya. Faktor-faktor ini boleh termasuk kebankrutan pihak berurusan. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dana dengan membeli perlindungan risiko kredit, mengurangkan pendedahan kepada pihak berurusan dengan risiko kredit yang lebih rendah, atau memilih aset banyak pihak berurusan yang tidak berkaitan. Pemegang polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko kredit dengan memilih dana dengan pendedahan yang lebih rendah kepada bank-bank atau penerbit-penerbit dengan risiko kredit yang lebih tinggi.
- 3 **Risiko Kecairan** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh faktor-faktor yang menghalang penjualan suatu aset dana dengan segera. Faktor-faktor ini boleh termasuk kekurangan pembeli dalam pasaran, atau ketersediaan kecairan kepada pembeli. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dana dengan memilih tunai atau aset di mana dagangan kerap dilakukan. Pemegang polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko kecairan dengan memilih dana yang mempunyai pendedahan yang lebih tinggi kepada tunai atau aset yang kerap didagangkan.
- 4 **Risiko Penumpuan** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh pendedahan berlebihan kepada aset atau pasaran tunggal atau serupa. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dana dengan melabur dalam pelbagai aset. Pemegang polisi boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko penumpuan dengan memilih dana yang memegang pelbagai aset, atau merangkumi pelbagai kelas aset, sektor pasaran, dan pihak berurusan.
- 5 **Risiko Operasi** - Risiko kerugian dalam nilai dana disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses, manusia dan sistem atau peristiwa luaran. Beberapa contoh insiden operasi termasuk:
 - penyelewengan pelaburan disebabkan oleh penipuan, tindakan menyalahi undang-undang, berniat jahat, iri hati, atau keganasan;
 - gangguan atau kegagalan sistem dan infrastruktur IT, yang mungkin digunakan untuk pemantauan, pelaksanaan, dan pentadbiran;
 - pengiraan tidak tepat kerana kualiti atau kesilapan data, kelemahan metodologi, atau salah pengiraan; dan
 - kawalan yang tidak tepat atau tidak lengkap.Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dengan mengasingkan tugas dan fungsi individu; mewujudkan proses pemilihan bencana dan kesinambungan perniagaan; melaksanakan pemeriksaan berkala secara bebas; dan melaksanakan pemilihan vendor pihak ketiga dan proses penilaian yang berterusan.

NOTA-NOTA PENTING

- 1 Helaian Fakta Dana ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak bertujuan, dan tidak seharusnya ditafsirkan sebagai tawaran, cadangan atau permintaan untuk menyertai atau membeli suatu polisi insurans. Ia tidak dalam apa-apa cara atau perbuatan dihasratkan untuk menjadi atau harus dianggap sebagai memberi apa-apa bentuk nasihat kepada anda. Bakal pemegang polisi perlu melakukan penilaian mereka sendiri tentang kesesuaian polisi dan risiko-risiko dana, berbanding dengan keperluan mereka, dan perlu mengambil kira nasihat profesional.
- 2 Helaian Fakta Dana ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Ilustrasi PEMASaran dan Helaian Pendedahan Produk bagi polisi. Bakal pemegang polisi perlu memberi perhatian teliti terhadap manfaat polisi yang bergantung kepada prestasi dana.
- 3 Risiko-risiko yang didebakkan di atas bukanlah semua risiko yang mungkin berkaitan dengan bakal pemegang polisi tertentu. Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain dari Semasa ke Semasa.
- 4 Prestasi dana terikat dengan prestasi aset yang dipegang oleh dana, dan seperti yang dinyatakan dalam helaian fakta dana ini.
- 5 Prestasi lepas bukan petunjuk prestasi masa hadapan.
- 6 Prestasi dana adalah pulangan ke atas aset dana, bukan pulangan ke atas premium yang dibayar, kerana premium tertakluk kepada caj-caj sebelum melabur dalam dana, dan dana mungkin tertakluk kepada caj-caj, yang khusus bagi polisi insurans, dan perbezaan masa aliran tunai.
- 7 Prestasi dikira berdasarkan NAB seunit pada permulaan dan akhir tempoh pengukuran, dikira sebagai:
$$\text{Pulangan NAB} = (\text{Tempoh Akhir NAB seunit} / \text{Tempoh Mula NAB seunit}) - 1$$
- 8 Prestasi tahunan dikira berdasarkan kaedah pulangan dikompaun.